



**PENGIKLAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

**PERATURAN 7(a)**

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-  
PEGAWAI DAN KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN  
PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**MERBUT (E.2-3 EB.4)  
JABATAN HAL EHWAL MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 24 JANUARI 2024  
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 07 FEBRUARI 2024  
BILANGAN IKLAN: 2024/JAN/16**

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**MERBUT  
JABATAN HAL EHWAL MASJID  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA  
E.2-3 EB.4 (\$590 - \$875 EB KHAS \$895 - \$975 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) Lulus Penilaian Menengah Bawah (PMB) atau sebanding dan lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU). (Lepasan Sekolah Menengah Arab tidak dikehendaki Lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji F.1 tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta lulus Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).
2. Boleh membaca dan menulis ejaan jawi dengan baik.
  3. Membaca Al-Quran secara bertajwid dan bertartil.
  4. Hendaklah tahu menyempurnakan jenazah.
  5. Pandai membaca tahlil dan doa.
  6. Boleh menyampaikan azan dan iqamat dengan baik.
  7. Tahu hukum-hukum bersuci dan sembahyang.
  8. Hendaklah hafaz surah-surah lazim (Surah *At-Takasur* hingga Surah *An-Nas*).
  9. Bagi pemohon yang terdiri dari saudara-saudara baru, sokongan khas daripada Pengarah Pusat Da'wah Islamiah atau pihak-pihak berkenaan adalah diperlukan bagi menggantikan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU).



10. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik, bersih dari tapisan keselamatan dan tidak pernah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
11. Keutamaan akan diberikan kepada calon **LELAKI**.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Bertanggungjawab membersihkan bahagian dalam bangunan masjid;
2. Menjadi Bilal ganti semasa ketiadaan Bilal seperti menyempurnakan Azan, Iqamat, Tazkir dan Tarhim kecuali pada Sembahyang Fardhu Jumaat dan Dua Hari Raya;
3. Ikut serta dalam apa jua aktiviti keagamaan / takmir yang diadakan di masjid;
4. Membantu Pegawai Masjid dalam urusan suka duka masyarakat (Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah);
5. Bekerjasama dengan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid;
6. Melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan sepertimana yang terkandung dalam buku 'Panduan Kerja Pegawai-Pegawai Masjid 1996'; dan
7. Menerima arahan dari semasa ke semasa daripada Pengarah dan Ketua.

**Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada  
Kementerian Hal Ehwat Ugama seperti berikut:**

**Alamat : BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA,  
JABATAN PENTADBIRAN,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA,  
JALAN DEWAN MAJLIS,  
BERAKAS, BB3910  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

**Emel : recruitment@mora.gov.bn**

**No. Tel : 7292563 / 7292568**